

12 DEC 2002

Mahathir-Dasar/I

MALAYSIA AKAN MENERUSKAN DASAR PANDANG KE TIMUR

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 12 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan meneruskan Dasar Pandang ke Timur yang digunapakai sejak 20 tahun lepas memandangkan mekanisme kerjasama itu telah memanfaatkan negara.

Perdana Menteri berkata beliau memaklumkan hasrat Kuala Lumpur untuk meneruskan dasar itu pada pertemuan singkat dengan rakan sejawatnya Junichiro Koizumi di Sori Kantei, pejabat Perdana Menteri Jepun di sini hari ini.

"Kita mahu meneruskan dasar itu dan mereka juga bersedia meneruskannya," kata Dr Mahathir kepada wartawan-wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan rasmi dua harinya ke Jepun.

Dalam pertemuan empat mata itu, Dr Mahathir berkata mereka turut membincangkan penubuhan Universiti Teknologi Jepun.

"Universiti itu makin menjadi nyata, perkembangannya berjalan baik. Kemasukan pelajar dijangka bermula awal tahun depan dan ia akan dibuka bukan sahaja kepada rakyat Malaysia tetapi juga dari Asia Tenggara dan negara-negara membangun lain," katanya.

Ditanya jika Koizumi ada menyatakan pendirian Jepun mengenai isu Iraq, Dr Mahathir berkata tidak tetapi dia meminta pandangan Malaysia mengenai perkara itu.

Sebelum itu, semasa sesi soal jawab pada seminar sempena ulangtahun ke-20 Dasar Pandang Ke Timur, Dr Mahathir menjawab berbagai soalan daripada peserta yang berminat berkongsi pandangannya berhubung soal hubungan dua hala, antarabangsa, ekonomi serta perkara domestik seperti cadangannya untuk bersara.

Ditanya kenapa sejak akhir-akhir ini dasar itu turut memasukkan China dan apa yang beliau harap dapat dipelajari dari China, Dr Mahathir berkata apa yang sangat menarik minatnya ialah strategi China dalam menerima sistem perdagangan bebas dan menguruskan ekonomi tanpa mengorbankan sistem politiknya.

"Hasilnya ialah China terus kekal sebagai masyarakat berdisiplin dan kerajaannya mampu melaksanakan pembaharuan ekonomi dengan berjaya.

"Ia sesuatu yang menarik. Jika Russia telah melakukannya, saya percaya Russia akan lebih berjaya tetapi banyak negara cuba melakukan perubahan dengan cepat dan walaupun perubahan itu demi kebaikan, jika terlalu cepat ia menimbulkan gangguan," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia juga boleh menambahkan pengetahuan dan membantu menguruskan ekonominya dengan melihat China.

Dr Mahathir berkata China juga bakal menjadi kuasa ekonomi serantau.

"China sebuah negara besar, rakyatnya 1.3 bilion, kuat bekerja, bijak, berkemahiran...jadi China bukan sahaja akan muncul sebagai kuasa ekonomi, ia juga bakal menjadi kuasa militari," katanya.

"Sudah tentu ia menimbulkan kebimbangan termasuk di negara-negara Asia Tenggara tetapi kami lebih gemar berusaha bekerjasama dengan China daripada berdepan dengannya, konfrontasi bukan cara yang betul menyelesaikan masalah...itu sebabnya kami menyambut baik idea Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) dengan China," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata FTA dengan China akan melibatkan banyak syarat dan pengecualian yang bertujuan melindungi negara-negara anggota Asean yang tidak sekali tidak mampu bersaing dengan China.

Perdana Menteri berkata kombinasi Asean dan China akan mewujudkan

pasaran besar sebanyak 1.8 bilion orang yang akan mengubah rantau itu menjadi kuasa ekonomi yang besar dan menyumbang kepada ekonomi duani.

"Asean juga mahu mengadakan FTA dengan rakan-rakan lain, tentu sekali kita mahu mengadakan perjanjian dengan Jepun, Korea Selatan dan akhirnya apa yang akan wujud ialah Kerjasama Ekonomi Asia Timur," katanya.

Dr Mahathir berkata kerjasama seperti itu akan berkembang dan mengeratkan lagi negara-negara rantau mengikut contoh Kesatuan Eropah dan menghapuskan ancaman peperangan.

"Kita tidak dapat pasti sepenuhnya apa yang dijangkakan akan berlaku tetapi kita akan berusaha ke arah itu," katanya.

-- BERNAMA

HS HS MOZ